

Pen pengisytiharan kemerdekaan

Antara 5,000 koleksi kerabat Diraja Kelantan yang mencuri tumpuan di Pameran Collectibles Stateroom

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Pen yang digunakan untuk menandatangani pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957 oleh Raja-Raja Melayu antara 5,000 koleksi kerabat Diraja Kelantan yang mencuri tumpuan di Pameran Collectibles Stateroom di Hotel Grand Riverview.

Pen bersejarah tersebut digunakan untuk Majlis Menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 antara semua Raja-Raja

Melayu dengan Pesuruhjaya Tinggi, Sir Donald MacGillvary di bangunan Kings House, Kuala Lumpur.

Tengku Laksamana Kelantan, Tengku Abdul Halim Sultan Ibrahim Petra yang juga Pengerusi Yang Dipertua (YDP) Majlis Perajaan Negeri Kelantan (MPN) berkata, pen berkenaan digunakan oleh Almarhum Tuanku Perlis untuk menandatangani perjanjian tersebut pada waktu itu.

“Pen itu sekarang ini ada di muzium (Collectible Museum Kelantan) dan banyak orang tak tahu, patut pergi tengok untuk ambil ingatan.

“Saya sendiri bangga kerana kita masih memiliki pen ini tetapi kebanyakan orang tak ambil tahu hal ini. Bagi yang minat sejarah, pen ini amat bernilai,” katanya ketika ditemui selepas Perasmian Pameran Collectibles Stateroom di Hotel Grand Riverview di sini baru-baru ini.

Tengku Abdul Halim berkata, pengantaran pameran oleh kerabat Diraja Kelantan sempena menyemarakkan lagi kedatangan bulan kemerdekaan Ogos ini yang menggunakan konsep bilik ke bilik itu perlu diteruskan pada masa depan.

“Ini kali pertama kita buat pameran di bilik-bilik hotel di Kelantan. Patut tiap-tiap tahun boleh buat macam ni,” katanya.

Sementara itu, Penasihat Collectible Museum Kelantan, A Saifullah Sulaiman berkata, pertama kali dipamerkan koleksi milik Tengku Abdul Halim dan isterinya Tengku Puan Laksamana Kelantan, Datuk Seri Diraja Sharifah Azwan Tuanku Syed Putra Jamalullail pada pameran tersebut.

“Seramai 40 peserta turut mengambil bahagian dengan mempamerkan koleksi di 45 bilik hotel berkenaan dengan keselamatan barangan mereka lebih terjamin.

“Setiap bilik memaparkan tema tertentu seperti koleksi lukisan oleh pelukis tersohor Kelantan, koleksi keris, kuda, barangan Diraja, buluh, artifak tradisional dan syiling lama,” katanya.

Pen bersejarah yang digunakan Raja-Raja Melayu pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957.



Tengku Abdul Halim (kiri) dan isteri (dua dari kiri) melihat usahawan kraftangan besi, Mohd Zaki Husain (kanan) meniup tetuang.



Gambar sembilan Raja Melayu Menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957.